

Kritikan, tohmahan tak goyah PM

Gaya kepemimpinan berbeza tidak ubah matlamat majukan negara

BM (BH) - 24/9/2006



KATAKAN apa saja terhadapnya, namun penampilan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi jauh daripada membayangkan beliau sudah hilang kawalan sebagai pemimpin kerajaan yang diberikan mandat terbesar dalam pilihan raya umum lalu.

Serangan terhadapnya juga, sama ada berkisar kepada kepemimpinannya mahupun berbentuk peribadi, tidak pernah terhenti. Malah, ia boleh diandaikan akan berterusan buat beberapa ketika lagi.

Pelbagai tohmahan dihalakan terhadapnya, dakwaan hanya mementingkan keluarga daripada rakyat terbanyak tidak terkecuali, selain kritikan dan teguran berkaitan pelbagai isu yang menuntut reaksinya.

Harus banyak juga yang menguji kesabarannya di samping ramai di kalangan pegawai dan anggota Kabinetnya yang turut diresahkan pada ketika sudah ada segolongan yang cenderung kepada cakap-cakap negatif yang digembar-gemburkan.

Tetapi tidak buat Perdana Menteri. Jauh daripada merelakan serangan sedemikian mempengaruhinya atau mengoyahkan kedudukannya, Abdullah lebih bersandar kepada keyakinan bahawa lambat-laun kebenaran akan terserlah juga.

Kebeneran, pada perkiraannya, akan terus terselindung daripada pandangan selagi diri dibenarkan dikuasai emosi. Sebaliknya, apabila emosi kemudian kendur, beliau meyakini umum berupaya melihat apa yang benar akan timbul dan yang batil ditenggelami.

"Ia cara saya melakukan sesuatu. Semua orang ada cara sendiri melakukan sesuatu tetapi matlamat saya sentiasa di depan dan tidak berubah... cuma caranya, cara sayalah," katanya di Havana, Cuba, hujung minggu lalu.

Seperti dijelaskannya, pembaharuan dan perubahan yang dijanjikannya menuntut pendekatan khusus untuk membuah hasil di samping penekanannya agar sesuatu perancangan diteliti dan diperhalusi biarpun ia akan mengambil sedikit masa.

"Tapi masih ramai orang tidak faham, mereka kata Pak Lah hilang kawalan. Saya tidak hilang kawalan dan saya ada cara sendiri (dalam mentadbir negara)."

Daripada ramai yang tidak faham, harus ramai lagi yang tidak mahu faham di sebalik keterbukaan yang dijanjikannya untuk pelbagai pendapat diberikan sebelum akhirnya Kabinet pimpinannya membuat keputusan.

Lebih daripada itu, ada pula yang mendorong untuk mempercayai pendekatan musyawarah dan pemuafakatan yang menjadi stail kepemimpinannya sebagai petanda kelemahan, apatah lagi ada yang tidak henti-henti mengapi-apikan keadaan.

Harus sudah menjadi resmi Perdana Menteri untuk mendengar pandangan dan teguran bukan hanya daripada satu-satu individu tetapi pelbagai pihak lain yang turut berhak diberikan perhatian.

Itu cara kepemimpinan masa kini, walaupun tidak pada masa lalu.

Dalam keadaan tertentu pula, tidak semua isu atau kritikan menuntut Abdullah memberikan penjelasan seperti yang terserlah secara sedikit demi sedikit bahawa akan ada pendedahan daripada pihak lain yang menyusul kemudian.

Sebagai contoh, Tun Dr Mahathir Mohamad kelmarin mengakui anaknya, Datuk Mukhriz selaku Pengerusi dan Pengarah Urusan Opcom Sdn Bhd, mendapat kontrak membekalkan gentian optik kepada Telekom Malaysia (TM).

Dan ia berlaku ketika beliau masih Perdana Menteri dan Menteri Kewangan - suatu pernyataan yang harus berlawanan dengan apa yang dipertahankan Dr Mahathir sebelumnya ketika menuduh Abdullah mengamalkan nepotisme.

Bukanlah pula rahsia bahawa kontrak itu diberikan bukan melalui tender terbuka tetapi secara rundingan terus.

Dalam pada itu, siapalah pula kita un-

tuk mempertikaikannya kerana pengu-rusan TM harus mempunyai sebab dan alasannya sendiri bagi memutuskannya demikian -- tidak berbeza dengan keputusan Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) memberikan kontrak RM47.3 juta kepada Scomi Group Bhd.

Seperti dijelaskan KTMB sebelumnya, kontrak itu diberikan melalui proses tender terhad dan bukan tender terbuka untuk memastikan kerja-kerja membaiki gerabaknya dapat dilaksanakan segera tanpa sebarang kelengahan.

Begitupun, di sebalik penjelasan itu selain penafian Ketua Pegawai Eksekutif Scomi Group Bhd, Shah Hakim Zain, kononnya ia mendapat projek kerajaan melalui pengaruh anak Perdana Menteri, Datuk Kamaluddin, salah seorang pemegang saham terbesar, pertikaian berkaitannya seakan-akan berlarutan.

Apakah pula kata Dr Mahathir sesudah anaknya kini dikaitkan?

"Ya, anak saya telah lama terlibat dalam perniagaan (kontrak membekalkan gentian optik) dan dia dapat tawaran secara biasa dengan tender-tender dan sebagainya. Dan, kalau dia dapat atau tidak kontrak itu, itu urusan dialah dan bukan masalah saya."

Tidak cukup dengan itu, bekas Perdana Menteri mendakwa Mukhriz terpaksa merayu kepada Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin, supaya kontrak itu diteruskan setelah ia didakwa dibatalkan selepas beliau melepaskan jawatan Perdana Menteri pada 2003.

Rasanya TM akan sedia mengesahkan kontrak asal itu tidak pernah dibatalkan kecuali nilainya dikurangkan semata-mata kerana ada syarikat lain menawarkan sebut harga lebih kompetitif.

Diandaikan pula pendedahan terbaru itu hanyalah 'puncak kepada segunung maklumat tersembunyi' pada ketika ura-ura sudah tersebar melalui internet kononnya banyak dokumen lain didakwa berkaitan kepentingan perniagaan anak-anak Dr Mahathir akan didedahkan dari semasa ke semasa.

Dokumen berkenaan dikhabarkan menyetujui kontrak pemberian Petronas selain projek penswastaaan perkhidmatan

hospital dan pengangkutan.

Turut diuar-uarkan pendedahan itu dilakukan untuk menangkis serangan Dr Mahathir terhadap Abdullah selain menampelak bekas Perdana Menteri yang mendakwa anak-anaknya tidak pernah meraih manfaat daripada kedudukannya.

Barangkali ia benar, barangkali juga tidak kerana setakat ini tiada sumber rasmi yang tampil untuk membuat pengesahan.

Harus ramai yang kini percaya dokumen sedemikian sememangnya wujud dan bakal menjadi tatapan ramai sebagai sesuatu yang tidak dapat disangkal di samping akan sentiasa ada sebahagian lagi yang memilih untuk meyakini ia sengaja diada-adakan.

Bukankah Dr Mahathir kelmarin turut mendakwa bahawa kini ada usaha untuk memburukkan beliau ketika memegang jawatan Perdana Menteri dulu?

Di sebalik itu, Dr Mahathir jugalah yang sebelumnya mengutarakan sindiran: "Kalau nak jadi perdana menteri, mestilah menjadi perdana menteri untuk mengurus negara untuk kebaikan rakyat dan negara, dan bukan untuk memperbaiki nasib anak menantu yang kaya."

Sambil Abdullah mempertahankan bahawa beliau belum hilang kawalan sebagai pemimpin kerajaan, harus juga diterima kenyataan bahawa tidak semua perkara terletak di bawah kawalan Perdana Menteri.

Seperti Perdana Menteri tidak berkuasa untuk mengawal apa saja yang ingin diperkatakan orang terhadapnya atau tanggapan umum terhadap kepemimpinannya, begitulah juga keadaan yang sama terhadap orang lain juga.

Hanya masa dan keadaan bakal menghakimi siapa yang berupaya mengekalkan kawalan dan siapa pula yang akan hilang kawalan kemudian.

Cuma diharapkan perkara yang benar akan terserlah jua kesudahannya di sebalik akan sentiasa ada segolongan yang kecenderungan mereka hanyalah untuk mempertikaikan apa saja yang tidak selaliran dengan pemikiran mereka.